

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 MAC 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8

### Kementerian teroka kerjasama insurans bencana



Kerajaan rangka pelan bagi melindungi perniagaan daripada sebarang risiko keadaan luar jangka seperti banjir.  
(Foto hiasan)

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sedang menerokai kerjasama dengan syarikat insurans tempatan bagi menyediakan skim insurans perniagaan risiko bencana alam untuk usahawan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional).

Kementerian itu memaklumkan, pelaksanaan usaha itu bertujuan melindungi perniagaan daripada sebarang risiko keadaan luar jangka seperti banjir.

"Selain itu, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) juga menyediakan modul bimbingan meliputi pengurusan risiko dalam perniagaan bagi membantu usahawan mengenal pasti pelbagai risiko, termasuk banjir dan persediaan usahawan mengurangkan kesan negatif kepada perniagaan," katanya melalui jawapan lisan dipaparkan dalam laman sesawang Parlimen.

gai risiko, termasuk banjir dan persediaan usahawan mengurangkan kesan negatif kepada perniagaan," katanya melalui jawapan lisan dipaparkan dalam laman sesawang Parlimen.

Ia menjawab soalan Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof (BERSATU-Alor Gajah) mengenai inisiatif kerajaan untuk menggalakkan pelaksanaan ramalan perubahan iklim dalam setiap perancangan dan keputusan terhadap perniagaan usahawan kerana cuaca tidak menentu ketika ini.

Bagi jangka panjang, menurut kementerian itu, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) menggariskan strategi untuk mempertingkat daya tahan ter-

hadap perubahan iklim, bagi mengurangkan risiko bencana yang boleh menjadikan aktiviti ekonomi serta perniagaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Melalui strategi itu, katanya, impak perubahan iklim dan risiko bencana akan diambil kira dalam perancangan serta pelaksanaan dasar bagi membolehkan tindakan diambil berdasarkan penilaian bukti dan risiko.

"Selain itu, perancangan RMK-12 juga menggalakkan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan prinsip kelestarian meliputi Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) diguna pakai oleh sektor awam serta swasta dalam membuat keputusan," katanya.